

# 2.8 juta pengundi didaftarkan di luar kawasan

UM 3 NOV 2002

BALIK PULAU 2 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kira-kira 2.8 juta pengundi di negara ini didapati didaftarkan untuk mengundi di kawasan yang tiada kena mengena dengan mereka.

Kata Perdana Menteri, kebanyakan mereka tidak mempunyai alamat di tempat mereka berdaftar dan tidak ada kaitan sama sekali dengan kawasan berkenaan.

Menurut beliau, perbuatan tersebut dilakukan oleh pihak-pihak tertentu bagi membolehkan parti-parti politik yang tewas tipis pada pilihan raya sebelum ini, menang pada pilihan raya akan datang.

“Nampak jelas bahawa usaha memin-dahkan pengundi ini dibuat sudah beberapa lama, mungkin sampai 30 tahun...mungkin sebab itu terdapat begitu besar jumlah pengundi yang berdaftar bukan di alamat seperti pada kad pengenalan,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang di Kompleks Sukan Balik Pulau, di sini hari ini.

Beliau memberitahu demikian ketika diminta mengulas kejadian memindahkan pengundi ke kawasan lain yang dipercayai dilakukan oleh sesetengah pihak bagi memenangkan satu-satu parti politik.

---

## Penipuan

Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai ‘satu penipuan yang amat besar’, Dr. Mahathir berkata, mereka yang terlibat itu patut dikembalikan ke tempat alamat asal, melainkan seseorang itu ada alasan seperti lahir, bekerja atau mempunyai harta di satu-satu tempat itu.

“Macam saya duduk di Putrajaya tapi saya mengundi di Titi Gajah kerana saya miliki harta, ada rumah di Titi Gajah, saya memang tinggal di sana sekian lama... tetapi kerana kerja memerlukan saya pindah ke Putrajaya, saya pergi ke Putrajaya, jadi alamat saya Putrajaya tetapi saya mengundi di Titi Gajah,” kata beliau.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata, terdapat orang yang tak ada kena mengena langsung dengan sesuatu kawasan, berdaftar dan mengundi di kawasan itu.

“Kita dapati kalau kawasan itu tak mungkin dimenangi oleh parti lawan, maka ramai penyokong parti lawan dipindah ke kawasan yang marginal iaitu parti lawan kalah sedikit sahaja.

“Dengan berbuat demikian para pengundi dari kawasan yang tak mungkin mereka (parti lawan) menang dipindahkan ke kawasan marginal ini dan mereka mungkin menang.

“Pada masa yang sama, kawasan yang mereka kalah sedikit sahaja, tanpa diketahui pengundi, mereka pindah nama pengundi ke kawasan lain.

“Umpamanya kalau ada orang Cina di kawasan itu, mereka akan pindah orang Cina ke kawasan lain supaya mereka tidak boleh memberi kemenangan kepada BN,” ujar beliau lagi.

Ditanya apakah bentuk tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi masalah itu Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji bentuk tindakan yang perlu diambil.

Dr. Mahathir menamakan negeri Kedah, Kelantan dan Terengganu sebagai negeri yang serius berlaku kejadian pemindahan pengundi itu.

Di kawasan beliau sendiri (Titi Gajah), kata Perdana Menteri, kira-kira 2,000 pengundi yang bukan penyokongnya telah dipindahkan ke kawasan lain.

Ini bagi membolehkan para penyokong tersebut memberi kemenangan di kawasan parti lawan yang kalah tipis.